



DENGAN E-MEL
klbc@klbar.org.my

Ruj Kami : ILKAP.600-5/3/5 JLD2
Tarikh : 6 Februari 2026

Kuala Lumpur Bar Committee
Unit 4.02, Level 4
Wisma Badan Peguam Malaysia
No. 2, Leboh Pasar Besar
50000 Kuala Lumpur

Tuan,

**PERMOHONAN PENCALONAN PESERTA BAGI KURSUS KES RUJUKAN
TANAH DI MAHKAMAH: PROSEDUR DAN PERKEMBANGAN TERKINI PADA 7
HINGGA 9 APRIL 2026**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara yang tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Akademi Perundangan Negara ("APN") akan menjalankan **Kursus Kes Rujukan Tanah di Mahkamah: Prosedur dan Perkembangan Terkini pada 7 hingga 9 April 2026** ("Kursus ini") di Kampus APN, Bandar Baru Bangi, Selangor. Kursus ini akan dihadiri oleh 30 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Kehakiman dan Perundangan serta pegawai pentadbir tanah daripada jabatan/agensi yang berkaitan (terbuka kepada swasta).

3. Objektif Kursus ini adalah seperti yang berikut:

- Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berhubung pengendalian prosedur dan prosiding kes Rujukan Tanah selaras dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486], Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan keputusan terkini Mahkamah;
- Menambahkan perkongsian ilmu dan menyampaikan pengetahuan berkenaan kes-kes rujukan tanah yang terkini di kalangan peserta; dan
- Meningkatkan pengetahuan peserta berkenaan prosedur mengenai prinsip dan aplikasi penentuan pampasan pengambilan tanah.

4. Sehubungan dengan itu, APN memohon jasa baik Tuan untuk mencalonkan **lima (5)** orang pegawai daripada ***Kuala Lumpur Bar Committee*** untuk menyertai Kursus ini. Butiran lanjut mengenai Kursus ini adalah sebagaimana dalam Jadual Kurikulum di **LAMPIRAN**. APN memohon jasa baik Tuan agar dapat mengemukakan nama pegawai yang dicalonkan berserta maklumat yang dinyatakan di bawah **sebelum atau pada 6 Mac 2026 (Jumaat)** untuk tindakan APN selanjutnya:

- (a) Nama;
- (b) Jawatan dan Gred;
- (c) Nombor Kad Pengenalan;
- (d) Nombor telefon;
- (e) Alamat e-mel; dan
- (f) Alamat lengkap tempat bertugas.

5. Untuk makluman Tuan, yuran yang dikenakan bagi Kursus ini adalah sebanyak **RM300.00** sehari bagi setiap peserta.

6. **Sekiranya pegawai yang dicalonkan tidak dapat menyertai Kursus ini pada tarikh yang dinyatakan atas apa-apa jua sebab yang tidak dapat dielakkan, APN memohon kerjasama Tuan untuk menamakan pegawai ganti bagi pegawai tersebut.** Sebarang penarikan diri pegawai yang telah disahkan untuk menyertai Kursus ini hendaklah dimaklumkan kepada Penyelaras atau Urus Setia Kursus dalam tempoh **tiga (3) hari bekerja** sebelum Kursus ini bermula.

7. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai Kursus ini, Tuan bolehlah menghubungi pegawai yang berikut:

(a) Penyelaras Kursus, **Puan Tania Arissa binti Andi Sanrang:**

No. Telefon : 03-8924 3437 / 014-227 7975
Alamat E-mel : tania@apn.gov.my

(b) Urus Setia Kursus, **Puan Nor Fazlina binti Md Radzi:**

No. Telefon : 03-8924 3423 / 014-268 9787
Alamat E-mel : fazlina@apn.gov.my

8. Segala kerjasama dan sokongan Tuan dalam menjayakan program latihan APN amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

**MEMACU KEJAYAAN PEMBELAJARAN
 (“EMPOWERING LEARNING SUCCESS”)**

Saya yang menjalankan amanah,

Tania Arissa

(TANIA ARISSA BINTI ANDI SANRANG)

Ketua Penolong Pengarah

Program Litigasi, Bahagian Latihan

b.p. Ketua Pengarah

Akademi Perundangan Negara (APN)

Jabatan Perdana Menteri, Malaysia

Lot 5 | Persiaran Universiti | Seksyen 15 | 43650 Bandar Baru Bangi | Selangor

☎: (G/L) +603-8924 3400 / (D/L) +603-8924 3437 ✉: tania@apn.gov.my

**KURSUS KES RUJUKAN TANAH DI MAHKAMAH: PROSEDUR DAN
PERKEMBANGAN TERKINI
PADA 7 HINGGA 9 APRIL 2026**

Objektif Kursus—

- Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman peserta berhubung pengendalian prosedur dan prosiding kes Rujukan Tanah selaras dengan Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486], Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 dan keputusan terkini Mahkamah;
- Menambahkan perkongsian ilmu dan menyampaikan pengetahuan berkenaan kes-kes rujukan tanah yang terkini di kalangan peserta; dan
- Meningkatkan pengetahuan peserta berkenaan prosedur mengenai prinsip dan aplikasi penentuan pampasan pengambilan tanah.

7 APRIL 2026 (SELASA) – HARI PERTAMA		
MASA	TOPIK	PENCERAMAH
9.00 – 11.00 pagi	<p>Prosedur Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengenalan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Sumber kuasa ✓ Tanah-tanah yang boleh diambil balik • Prosedur pengambilan (tindakan awal, semasa dan selepas pengambilan tanah) <ul style="list-style-type: none"> ✓ Tujuan pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(a), (b) dan (c) Akta 486 ✓ Notis, Siasatan dan Perintah Pengambilan Tanah ✓ Ambil milik, bayaran pampasan tambahan, bayaran pelarasan dan caj bayaran lewat 	<p>Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG)</p>

<p>11.00 pagi – 1.00 tengah hari</p>	<p>Prosedur Rujukan Bantahan Award Pampasan ke Mahkamah oleh Pentadbir Tanah (PT) melalui Borang O Akta 486</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bantahan award dalam Borang N Akta 486 <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pihak berkepentingan ✓ Tempoh masa dan cara pemfailan ✓ Perkara yang boleh dibantah ✓ Syarat-syarat bantahan <p>Kajian dan perbincangan kes terkini mengenai isu Borang N Akta 486</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sama ada tuan tanah yang telah menerima award pampasan PT tanpa bantahan masih berhak mencelah dan terlibat dalam prosiding rujukan tanah yang dimulakan oleh paymaster <ul style="list-style-type: none"> ✓ Spicon Products Sdn Bhd v. Tenaga Nasional Bhd & Anor [2022] 4 CLJ 195 • Kedudukan paymaster sebagai pihak berkepentingan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Abdul Manab Hussain v. Pentadbir Tanah Daerah Langkawi & Satu Lagi Kes [2022] 5 CLJ 696 • Sama ada alasan selain dalam Borang N boleh dibicarakan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Spicon Products Sdn Bhd [2022] 4 CLJ 195 • Isu-isu lain yang berbangkit 	<p>Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri (PPUUN) Selangor</p>
<p>2.30 – 4.30 petang</p>	<p>Prinsip Penentuan Pampasan Nilai Tanah dan Tuntutan Lain selaras dengan Jadual Pertama Akta 486</p> <ul style="list-style-type: none"> • Nilai Pasaran • Naik Nilai (Betterment) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) 6 • Pecah-pisah (Severance) • Kesan Mudarat (Injurious Affection;IA) • Kos pindah • Kehilangan pendapatan 	<p>Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)</p>

	Trend keputusan terkini Mahkamah terhadap pampasan nilai tanah dan tuntutan lain dari perspektif JPPH	
--	--	--

8 APRIL 2026 (RABU) – HARI KEDUA		
MASA	TOPIK	PENCERAMAH
9.00 – 11.00 pagi	<p>Laporan Nilai dan Laporan Balasan (rebuttal) JPPH</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah • Butir-butir perbandingan • Pendapat nilai (Masa, Lokasi/Kedudukan, Kategori dan Perancangan, Rupabumi, Bentuk dan Saiz) • Pelarasan <ul style="list-style-type: none"> ✓ Ulasan terhadap Nilai dan Tuntutan Pemohon 	Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	<p>Persediaan Kes Rujukan Tanah ke Mahkamah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pemfailan dokumen, penyampaian dan ketidakpatuhannya menurut Jadual Ketiga Akta 486 <ul style="list-style-type: none"> ✓ Laporan Penilai ✓ Laporan Balasan (Rebuttal) ✓ Pelan Sepunya/Bersama ✓ Afidavit ✓ Undang-undang lain yang terpakai dan tidak terpakai kepada Jadual Ketiga ✓ Rundingan tawaran penyelesaian pihakpihak <p>Perbicaraan Kes Rujukan Tanah di Mahkamah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Laporan dan keterangan yang dirujuk di Mahkamah • Beban pembuktian • Pemeriksaan Balas Penilai Kerajaan (Penilai Responden) 	Jabatan Peguam Negara Cawangan Kuala Lumpur

	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Sek. 45 (1A) & Perenggan 2(2) Jadual Ketiga Akta 486 ✓ Contoh keadaan yang memerlukan keterangan lisan • Hujahan (lisan/bertulis) 	
2.30 – 4.30 petang	<p>Prosiding Rujukan Tanah di Mahkamah Tinggi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Notis pendengaran kes • Kaedah dan tempat bicara • Beban pembuktian <ul style="list-style-type: none"> ✓ Kes prima facie • Garis Panduan dan Arahan Mahkamah Persekutuan dalam kes Semenyih Jaya <ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengenai hal pendapat pakar pengapit ✓ Arahan seksyen 40C dan seksyen baru 40D Akta 486 • Penghakiman dan Award <ul style="list-style-type: none"> ✓ Keputusan bertulis hakim dan pengapit ✓ Caj bayaran lewat ✓ Rayuan ✓ Kos dan pembahagian kos 	Hakim Mahkamah Tinggi

9 APRIL 2026 (KHAMIS) – HARI KETIGA		
MASA	TOPIK	PENCERAMAH
9.00 – 11.00 pagi	<p>Perkongsian mengenai isu-isu dan cabaran dalam pelaksanaan prosiding pengambilan tanah di Negeri Johor dan Way Forward</p> <p>*kajian kes ditentukan penceramah (spesifik atau pelbagai)</p>	Pejabat Tanah dan Galian Johor
11.00 pagi – 1.00 tengah hari	<p>Isu-isu berbangkit terhadap kes-kes berkaitan Rujukan Tanah</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kajian kes terkini dan perbincangan • Pembentangan peserta 	Pejabat Penasihat Undang-Undang Selangor dan Jabatan Peguam Negara Cawangan Kuala Lumpur